



**EKONOMI**

**Aliran pengurangan kenaikan gaji, bonus berlanjutan hingga 2021 -- MEF**



Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman

KUALA LUMPUR, 14 Dis -- Kalangan eksekutif dan bukan eksekutif di negara ini berkemungkinan besar menyaksikan aliran pengurangan kenaikan gaji dan bonus yang berlanjutan sehingga 2021, demikian menurut dapatan terkini Kaji Selidik Gaji oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

Presiden MEF Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata hanya 58.4 peratus daripada syarikat-syarikat responden dalam kaji selidik itu memberi kenaikan gaji kepada eksekutif mereka tahun ini berbanding 88.3

peratus pada 2019 manakala hanya 61.7 peratus syarikat memberi kenaikan gaji untuk bukan eksekutif berbanding 87.6 peratus pada tahun lepas.

Unjuran purata kenaikan gaji bagi eksekutif dan bukan eksekutif juga rendah pada 2020 iaitu masing-masing pada 4.82 peratus (5.15 peratus pada 2019) dan 4.79 peratus (4.96 peratus pada 2019).

"Keputusan sedemikian sememangnya dijangkakan berikutan impak pandemik COVID-19.

"Aliran ini dijangka berlanjutan sehingga tahun depan berikutan kenaikan purata gaji eksekutif dan bukan eksekutif pada 2021 adalah lebih rendah iaitu masing-masing pada 4.59 peratus dan 4.57 peratus," katanya dalam kenyataan hari ini.

Edisi ke-26 kaji selidik gaji MEF itu meliputi 179 jawatan utama membabitkan seramai 20,733 eksekutif manakala 64,625 bukan eksekutif dengan 138 jawatan penanda aras.

Syed Hussain berkata prospek bonus untuk eksekutif dan bukan eksekutif pada 2021 juga masing-masing merosot kepada 1.75 dan 1.57 bulan berbanding 1.94 dan 1.65 bulan yang diberikan pada 2020.

Menurutnya, ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), syarikat-syarikat responden menjalankan operasi pada kapasiti tenaga kerja sekitar 60-70 peratus yang kemudiannya meningkat kepada 80 peratus bagi semua peringkat eksekutif ketika PKP Bersyarat (PKPB).

Kapasiti penggunaan tenaga kerja bukan eksekutif -- meliputi pekerja am/tidak mahir sehingga ke jawatan penyelia adalah dianggarkan 56 peratus ketika PKP dan kemudiannya meningkat kepada 77 peratus sewaktu PKPB.

"Lebih separuh daripada syarikat-syarikat responden turut membekukan pengambilan eksekutif dan bukan eksekutif pada 2020 untuk menangani impak pandemik manakala kira-kira 38 peratus syarikat mengekalkan amalan pengambilan khidmat pekerja masing-masing," katanya.

Kaji selidik itu juga mendedahkan bahawa 36 peratus daripada syarikat-syarikat responden itu masih belum memutuskan mengenai dasar pengambilan pekerja berikutan prospek tidak menentu akibat pandemik itu.

Selain itu, kira-kira 31.8 peratus syarikat pula akan mengekalkan dasar baharu pengambilan pekerja dengan dianggarkan 20 peratus syarikat akan bertindak membekukan dasar tersebut pada 2021.

-- BERNAMA